

MAHATHIR - PILIHANRAYA

1985

MENTAKAB, 14 JULAI (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KEPADA PARA PEMIMPIN DAN ANGGOTA PARTI ITU BAHAWA PERASAAN ANGKUH YANG PARTI ITU TIDAK BOLEH KALAH DALAM PILIHANRAYA KERANA SUDAH LAMA MEMERINTAH, BOLEH MENGAKIBATKAN KEKALAHANNYA.

BELIAU YANG JUGA PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA PERASAAN SEPERTI ITULAH YANG TELAH MENYEBABKAN KEKALAHAN SEBUAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA UMUM DI SEBUAH NEGERI BARU-BARU INI.

KATANYA, BIASANYA BSGI SEBUAH PARTI POLITIK YANG LAMA MEMERINTAH SEPERTI UMNO, AKAN TIMBUL PERASAAN ANGKUH DI KALANGAN ANGGOTANYA BAHAWA PARTI ITU TIDAK AKAN KALAH DALAM PILIHANRAYA.

+TETAPI BARU-BARU INI KITA LIHAT SEBUAH PARTI KOMPONEN BN TELAH KALAH. SAYA TIDAK MENGATA SESIAPA TETAPI MUNGKIN WUJUD PERASAAN KEANGKUHAN,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PENUBUHAN UMNO BAHAGIAN MENTAKAB DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBALIKNYA PARA PEMIMPIN UMNO TIDAK BOLEH BERSIKAP SOMBONG SERTA HENDAKLAH MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA KEGIATAN YANG BOLEH MENDEKATKAN DIRI KEPADA RAKYAT SECARA JUJUR SEPANJANG MASA, BUKANNYA APABILA MENJELANG PILIHANRAYA SAJA. -- LAGI.

1427MST 14 07 85

MAHATHIR - PILIHANRAYA 2 MENTAKAB R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK MENYEBUT PARTI KOMPONEN BN YANG KALAH DALAM PILIHANRAYA UMUM NEGERI YANG DIMAKSUDKAN ITU.

PRESIDEN UMNO ITU MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA CARA LAIN BAGI MENJAMIN MASA DEPAN PARTI ITU SELAIN DARIPADA BERPEGANG TEGUH KEPADA CARA-CARA PERJUANGAN UMNO YANG TELAH DIAMALKAN SEJAK PENUBUHANNYA DALAM TAHUN 1946.

BAGI MENJAMIN UMNO DAPAT TERUS MELAHIRKAN KEPIMPINAN YANG MATANG SERTA TEGUH KEDUDUKANNYA, SETIAP ANGGOTA MESTILAH TIDAK DAPAT TIDAK MENOLAK ORANG-ORANG YANG MENGGUNAKAN WANG UNTUK MEREbut JAWATAN DALAM PARTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA UMNO SEBAGAI TULANG BELAKANG BN TELAH MEMBAWA KEMAJUAN DAN PERPADUAN KEPADA RAKYAT.

INI ADALAH HASIL SIKAP SEDERHANA PARTI ITU DALAM SETIAP TINDAKAN YANG DI AMBILNYA.-- LAGI.

1429MST 14 07 85

D425

B B736 DEB
MAHATHIR-PILIHANRAYA 3 MENTAKAB

KATANYA, SETIAP TINDAK-TANDUK UMNO ADALAH BERDASARKAN KEPADA FIKIRAN YANG MENDALAM AGAR HASILNYA ADALAH KEBAIKAN.

TEGASNYA CARA-CARA UMNO BERTINDAK INI YANG TIDAK MENGIKUT HAWA NAFSU MESTILAH DIKEKALKAN SUPAYA PARA ANGGOTA KHUSUSNYA GENERASI MUDA TIDAK TERPESONG DARI AMALAN PARTI SELAMA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA AMALAN DEMOKRASI DALAM UMNO MERUPAKAN KUNCI KEPADA WUJUDNYA DEMOKRASI DALAM PARTI DAN SEBAB ITULAH CARA-CARA UMNO BERGERAK MESTI DILAKUKAN DENGAN BERHATI-HATI.

MENGENAI AMALAN TIDAK SIHAT DALAM MEMILIH PEMIMPIN, BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA JIKA ANGGOTA UMNO MENGIZINKAN RASUAH DALAM PARTI ITU MAKA KERAJAAN YANG BERTULANG BELAKANGKAN UMNO AKAN DISERAPI OLEH RASUAH.

+DAN SAYA TIDAK PAYAH BER CERITA BAGAIMANA SEBUAH NEGARA YANG KERAJAANNYA RASUAH TIDAK BERJAYA MEMBANGUNKAN NEGARA MALAH MENGHANCURKANNYA,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1442MST 14 07 85

B B737 DEB
MAHATHIR - PILIHANRAYA 4 MENTAKAB

KATANYA, +ADA SETENGAH-SETENGAH ORANG BERKATA TIDAK MENGAPALAH KITA TERIMA DUIT SEBAB KALAU KITA TIDAK MENGAMBILNYA, ORANG LAIN AKAN MENERIMANYA JUGA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN JIKA SIKAP BEGITU WUJUD, PARTI ITU AKAN LEMAH. SEBALIKNYA AKAN MENJADI LEBIH KUAT JIKA SETIAP ANGGOTA MENOLAK POLITIK DUIT.

KATANYA, UNTUK MENGENALI SEORANG PEMIMPIN YANG BAIK ADALAH MUDAH KERANA ORANG-ORANG YANG DEMIKIAN TIDAK AKAN MENONJOL-NONJOL DIRI MEREKA DAN MEMBUAT IKLAN UNTUK MENANG. -- BERNAMA.

1443MST 14 07 85